


29 NEXENTURY

Flavonoids





Ari Bergwerk, MD

Rawatan Intravena Flavonoids dan Acid Ascorbik
Sebagai Rawatan Klinikal untuk Simptom Post-
Menopausal
a Clinical Treatment of Post-Menopausal
Pakar Runding Geriatrik & Endocrinologist, Medical
School of university of Geneva, Switzerland
Assistant
Clinical Professor of Endocrinology, University of Basel,
Switzerland

Pengenalan:

Menopause ditakrifkan sebagai kitar haid terakhir dan biasanya disahkan apabila seorang wanitatidakmengalami kitar haid selama 12 bulanberturut-turut.(dengan tiada faktor lain yang

menyumbang). Menopause dikaitkan dengan penurunan fungsi ovary kerana usia, ,menyebabkan paras estrogen dan hormon lain berkurangan.Ia menandakan kesan kekal berakhirnya kesuburan. Menopause terjadi, secara purata pada umur 51, walau bagaimanapun ia boleh terjadi juga pada umur40 .

Pengurangan rembesan estrogen dan hormone wanita lain menyebabkan ketidakseimbangan dalam system badan, member peningkatan kepada simptom menopause. Simptom yang paling kerap dilihat 'hot flushes', peluh waktu malam, sukar tidur, kering pada bahagian vagina, ketidakseimbangan emosi, hilang tumpuan,osteoporosis dan peningkatan paras kolesterol dalam badan.

Pada masa kini, menopause paling banyak dirawatdengan Terapi Penggantian Hormon(HRT), denganhormon wanita sintetik (estrogen & progesterone),dengan objektif untuk meredakan dan menghilangkan simptom yang berkaitan dengan menopause.Walau bagaimanapun, peyelidikan klinikal menunjukkan peningkatan risiko kanser payu dara dan endometrium.

Mengambil kira factor risiko dengan HRT, terapi baru untuk menopause telahdiciptauntuk memberi wanita menopause alternatif yang lebih selamat untuk meredakan simptom menopause, iaitu dengan bahan bioaktif yang diektrak daripadatumbuhan-flavonoids

dengan kombinasi asid askorbik (vitamin C).

Flavonoids ialah molekul poliphenolik larut air mengandungi 15 atom karbon dan ia adalah dari kumpulan poliphenol. Flavonoids mempunyai 6 sub-kumpulan: chalcone, flavones, flavonol, flavanone, anthocyanins dan isoflavonoids. Ia didapati antioksidan yang kuat dengan kesan anti-allergik, anti-kanser, antioksidan, anti-radang dan anti-virus. Kajian klinikal telah menunjukkan pengambilan boleh mengelakkan oksidasi lipoprotein ketumpatan rendah, dengan itu mengurangkan risiko pembentukan atherosclerosis. Flavonoids yang berasal dari soya juga adalah efektif terhadap mengelakkan sakit jantung dan osteoporosis.

Asid askorbik atau vitamin C ialah vitamin larut air yang ditemui pada 1937 oleh ahli biokimia Hungary – Albert Szent-Gyorgyi, yang belajar fungsi biologi dan dianugerahkan Hadiah Nobel dalam Fisiologi pada tahun 1937. Vitamin C ialah nutrisi penting yang mengambil bahagian dalam banyak proses biokimia dalam badan. Ia juga adalah antioksidan yang kuat yang melindungi sel badan daripada oksidasi. Secara klinikal, vitamin C menunjukkan kesan mempromosi sintesis kolagen, maka akan menghasilkan kulit yang muda dan sihat. Beberapa kajian telah menunjukkan vitamin C membantu dalam proses pembaikan pulihan endothelial

dengan sintesis kolagen, menghalang pelanggaran miokardium dan saluran darah yang lain oklusi.